

PEMBINAAN MODUL SUKAN TENIS JALANAN SEKOLAH RENDAH

MUHAMMAD NUR AIZUDDIN BIN ABDUL
RAHMAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2025

PEMBINAAN MODUL SUKAN TENIS JALANAN SEKOLAH RENDAH

MUHAMMAD NUR AIZUDDIN BIN ABDUL RAHMAN

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...18.....(hari bulan).....9..... (bulan) 2024...

i. Perakuan pelajar :

Saya, MUHAMMAD NUR BIZUDDIN BIN ABDUL RAHMAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBINAAN MODUL KESEDIAAN SUKAN TENIS BERASASKAN TENIS JALANAN SEKOLAH RENDAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. HAZUAN BIN MOHD HIZAN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBINAAN MODUL KESEDIAAN SUKAN TENIS BERASASKAN TENIS JALANAN SEKOLAH RENDAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH KEJURULATI HAN SUKAN (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

20/9/2024

Tarikh


Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENBINAAAN MODUL KESEDIAAN SUKAN TENIS BERASASKAN
TENIS JALANAN SEKOLAH RENDAH

No. Matrik / Matric's No.: P20212002948

Saya / I: MUHAMMAD NUR BILUDDIN BIN ABDUL RAHMAN
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 4/2/2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat, kekuatan, dan ketabahan kepada saya dalam menyelesaikan penyelidikan dan penulisan tesis ini. Tanpa kehendak-Nya, segala usaha dan penat lelah ini tidak akan mungkin tercapai. Sesungguhnya, kepada Allah SWT saya memohon kekuatan dan kepada-Nya jua saya bergantung dalam setiap detik perjalanan ini. Ucapan terima kasih yang mendalam ditujukan kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Abd Rahim bin Mohd Shariff dan Dr. Hazuan Bin Mohd Hizan yang dengan penuh kesabaran, keilmuan, dan dedikasi telah membimbing saya dalam penyelidikan ini. Nasihat, panduan, dan sokongan yang diberikan mereka menyuluh perjalanan akademik ini. Saya amat menghargai segala masa dan usaha yang dicurahkan dalam membimbing saya ke arah pencapaian ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada pakar-pakar yang terlibat sepanjang penyelidikan ini. Sumbangan ilmu, pandangan, dan nasihat mereka sangat bermakna dalam membantu saya menyempurnakan kajian ini. Tanpa bimbingan serta kepakaran mereka, proses penyelidikan ini sukar mencapai tahap yang diharapkan. Saya turut amat menghargai kesudian sampel kajian yang sudi meluang masa, komitmen, dan kesediaan dalam berkongsi pengetahuan melalui instrumen kajian ini. Dengan penuh kesyukuran dan kerendahan hati, saya ingin mengenang jasa arwah ibu bapa saya, meskipun telah meninggalkan dunia ini, kasih sayang mereka terus mengalir dalam jiwa saya. Sokongan mereka sejak kecil, doa-doa mereka yang tidak pernah putus, dan segala pengorbanan yang telah mereka curahkan sepanjang hayat mereka merupakan kekuatan yang membawa saya hingga ke tahap ini. Moga Allah SWT mencucuri rahmat dan menempatkan mereka dalam kalangan yang beriman. Tidak dilupakan, kepada isteri tercinta Melur, yang mendamping setia dalam suka dan duka, terima kasih atas kesabaran dan keprihatinan yang diberikan sepanjang tempoh pengajian ini. Kehadiranmu sebagai peneman setia dan sokongan moral yang tiada henti merupakan pendorong terbesar buat diri ini. Anakanda Rafael Rahman, engkau adalah sumber kegembiraan dan motivasi, yang sentiasa menguatkan semangat ayahandamu ini untuk melangkah lebih jauh dan lebih tinggi. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh ahli keluarga yang sentiasa memberi galakan, serta kepada sahabat-sahabat yang tidak pernah jemu memberi dorongan dan bantuan sepanjang perjalanan ini. Kalian semua adalah pendorong yang sentiasa mengingatkan saya bahawa usaha ini bukan hanya untuk diri sendiri, tetapi juga untuk mereka yang saya kasihi. Akhirnya, penghargaan setulus jiwa ini kuhadiahkan kepada diri sendiri, atas keteguhan langkah dan kecekalan hati yang kadang goyah, meniti setiap duri dan badai perjuangan di pentas agung pengajian Doktor Falsafah, sebuah perjalanan penuh makna.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina modul sukan tenis jalanan murid sekolah rendah dalam usaha memperkenalkan dan memberi kesediaan sukan tenis kepada pelajar sekolah rendah. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kajian Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR). Kajian ini dilaksanakan melalui tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan modul serta fasa penilaian kebolegunaan modul. Fasa analisis keperluan melibatkan 30 orang guru sekolah rendah bagi tinjauan manakala tiga orang guru sekolah rendah untuk ditemu bual. Sementara itu, fasa reka bentuk dan pembangunan pula melibatkan 20 orang pakar serta tujuh pakar luar bagi mengenal pasti komponen utama dan elemen-elemen yang bersesuaian. Seterusnya, fasa penilaian kebolegunaan turut melibatkan 20 orang guru sekolah rendah yang mempunyai kemahiran sukan tenis bagi menilai kebolegunaan modul yang dibina serta empat orang pakar bidang bagi mengukuhkan penilaian kebolegunaan tersebut melalui temu bual. Dapatan daripada analisis keperluan menunjukkan bahawa terdapat keperluan membina modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan kepada pelajar sekolah rendah. Manakala fasa reka bentuk dan pembangunan pula melalui analisis Teknik Fuzzy Delphi, dua komponen utama modul dan enam elemen terhasil dalam modul ini kerana mempunyai nilai threshold (d) ≤ 0.2 , kesepakatan pakar $\geq 75\%$ dan nilai α - cut = 0.5. Bagi fasa penilaian kebolegunaan pula melalui teknik Kumpulan Nominal ubahsuai (modified NGT) telah menunjukkan kesepakatan pakar melebihi 70% bagi kesemua item-item yang terkandung dalam modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan. Hasil daripada temu bual yang dijalankan ke atas 4 orang pakar, kesepakatan diperoleh terhadap modul ini kerana modul ini dapat membantu memperkasakan aktiviti sukan di sekolah serta sesuai dilaksanakan dalam aktiviti kokurikulum sekolah. Kesimpulannya, kajian ini telah menghasilkan sebuah modul tenis jalanan yang mempunyai tahap kebolegunaan yang tinggi. Pelaksanaan kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada landskap sukan tenis Malaysia dalam melahirkan pemain tenis yang berbakat dan cemerlang pada masa hadapan.

THE DEVELOPMENT OF STREET TENNIS MODULE FOR PRIMARY SCHOOL

ABSTRACT

This research endeavours to acquaint and equip primary school students with tennis readiness through the development of a street tennis module. This investigation use the Design & Development Research (DDR) approach. The present study was executed in three distinct phases: need analysis, design and development, and usability evaluation. In the phase of needs analysis, it involves 30 primary school teachers for the survey while three primary school teachers for interview session. In the interim, during the design and development phase, twenty experts and seven external experts were engaged in the identification of key components and elements in the module. In addition, during the usability evaluation phase, 20 primary school teachers with fundamental tennis knowledge participated in evaluating the developed module's usability and as well as four field experts to strengthen the usability assessment through interviews. The results obtained from the need analysis indicate that there is a requirement to create a street tennis module. While design and development phase through the analysis of the Fuzzy Delphi Method (FDM), two primary components and six elements are generated: a threshold value (d) of 0.2, an expert consensus of 75%, and an alpha value ($-\text{cut}=0.5$). The utilization of the Modified Nominal Group (Modified NGT) technique during the evaluation phase has demonstrated that experts' consensus on each item in the tennis readiness module based on street tennis exceeds 70%. As a result of the interviews conducted with four experts, a consensus was reached regarding this module, as it is appropriate for implementation in co-curriculum activities and can help to animate sport activities at primary school. In summary, this research has yielded a street tennis module that has demonstrated a notable degree of usability. The tennis landscape in Malaysia is anticipated to benefit from the implementation of this study via the creation of a street tennis module for primary school students to produce talented tennis player in Malaysia.

KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xix
SENARAI LAMPIRAN	xxi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang kajian	4
1.3	Penyataan masalah	14
1.4	Objektif kajian	17
1.5	Persoalan kajian	18
1.6	Kepentingan kajian	19
1.7	Definisi operasi	25
1.7.1	Tenis	25
1.7.2	Mini tenis	26

1.7.3	Tenis jalanan	27
1.7.4	Modul	27
1.8	Batasan kajian	28
1.8.1	Limitasi	29
1.8.2	Delimitasi	30

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	32
2.2	Kerangka teoretikal kajian	33
2.2.1	Model Kurikulum Taba	35
2.2.2	<i>Teaching Games for Understanding</i> (TGFU)	43
2.2.3	Teori Peringkat Pembelajaran (SLT)	49
2.2.4	Model Penilaian CIPP	55
2.3	Kerangka konsep kajian	59
2.3.1	Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR)	62
2.4	Ulasan sistematik terhadap kajian pembangunan modul tenis	68
2.5	Prolog sukan tenis	73
2.5.1	Kemahiran asas tenis oleh ITF	76
2.5.2	Komponen taktikal	78
2.5.3	Komponen Teknikal	83
2.5.4	Peranan peralatan yang disesuaikan dalam pengajaran tenis	87
2.5.5	Revolusi tenis kepada mini tenis	97

2.5.6	Tenis jalanan	104
2.6	Pembangunan sukan di awal usia	107
2.6.1	Impak positif membudayakan sukan tenis dalam kalangan kanak-kanak	114
2.6.2	Perkembangan sukan tenis di Malaysia	119
2.6.3	Memperkenalkan sukan tenis di sekolah rendah	124
2.7	Dasar sukan di sekolah Malaysia	126
2.7.1	Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 7hb November 1979	127
2.7.2	Dasar 1 Murid 1 Sukan	129
2.7.3	Surat Pekeliling Ikhtisas berkaitan kegiatan kokurikulum	131
2.8	Rumusan	133

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	135
3.2	Reka bentuk kajian	137
3.2.1	Reka bentuk kajian fasa analisis keperluan	138
3.2.2	Reka bentuk kajian fasa reka bentuk dan pembangunan	141
3.2.2.1	Kaedah Fuzzy Delphi (FDM)	145
3.2.3	Reka bentuk kajian fasa penilaian kebolegunaan	147
3.2.3.1	Prosedur menjalankan Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	150
3.3	Populasi	151
3.3.1	Pensampelan fasa analisis keperluan	152

3.3.2	Pensampelan fasa reka bentuk dan pembangunan	154
3.3.3	Pensampelan fasa penilaian kebolehgunaan	160
3.4	Instrumen	162
3.4.1	Instrumen Fasa analisis keperluan	163
3.4.2	Instrumen fasa reka bentuk dan pembangunan	165
3.4.3	Instrumen fasa penilaian kebolehgunaan	168
3.5	Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian	170
3.5.1	Kesahan instrumen fasa analisis keperluan	171
3.5.1.1	Kajian rintis	173
3.5.2	Kesahan instrumen fasa reka bentuk dan pembangunan	178
3.5.3	Kesahan instrumen fasa penilaian kebolehgunaan	180
3.6	Prosedur mengumpul data	183
3.6.1	Kaedah mengumpul data bagi fasa analisis keperluan	184
3.6.2	Kaedah pengumpulan data bagi fasa reka bentuk dan pembangunan	187
3.6.3	Kaedah pengumpulan data bagi fasa penilaian kebolehgunaan	191
3.7	Kaedah menganalisis data	192
3.7.1	Kaedah menganalisis data fasa analisis keperluan	193
3.7.2	Kaedah menganalisis data fasa reka bentuk dan pembangunan	197
3.7.3	Kaedah menganalisis data fasa penilaian kebolehgunaan	201



3.8	Matriks kajian pembangunan modul	203
3.9	Rumusan	204

BAB 4 HASIL DAPATAN

4.1	Pengenalan	206
4.2	Demografi kajian	207
4.2.1	Demografi fasa Analisis keperluan	208
4.2.2	Demografi fasa reka bentuk dan Pembangunan	212
4.2.3	Demografi fasa penilaian kebolehgunaan	218
4.3	Dapatan kajian fasa analisis keperluan	223
4.3.1	Senario semasa sukan tenis di sekolah rendah	224
4.3.2	Keperluan membangunkan modul kesediaan sukan tenis	232
4.3.3	Komponen diperlukan dalam modul	235
4.3.4	Rumusan dapatan kajian fasa analisis keperluan	241
4.4	Dapatan kajian fasa reka bentuk dan pembangunan	242
4.4.1	Pembentukan komponen utama, elemen dan kandungan utama	242
4.4.2	Komponen utama modul	249
4.4.3	Elemen kepada komponen utama modul	254
4.4.4	Kandungan utama yang sesuai dimasukkan dalam modul	258
4.4.5	Pembangunan prototaip modul	279
4.4.6	Rumusan fasa reka bentuk dan pembangunan	291



4.5	Dapatan kajian fasa penilaian kebolehgunaan	292
4.5.1	Kesesuaian kandungan modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan	295
4.5.2	Kesesuaian penyataan keseluruhan kebolehgunaan modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan	331
4.5.3	Rumusan fasa penilaian kebolehgunaan	341
4.6	Kesimpulan	341

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

5.1	Pengenalan	343
5.2	Perbincangan dapatan fasa analisis keperluan	344
5.3	Perbincangan dapatan fasa reka bentuk dan Pembangunan	351
5.4	Perbincangan dapatan fasa penilaian kebolehgunaan	374
5.5	Implikasi Kajian	381
5.5.1	Implikasi praktikal	382
5.5.2	Implikasi teoritikal	384
5.6	Cadangan kajian lanjut	387
5.7	Kesimpulan	390
5.8	Penutup	392

RUJUKAN	394
----------------	-----

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Jumlah penyertaan murid sekolah rendah dalam kejohanan tenis peringkat MSSD negeri Perak mengikut daerah sepanjang 5 tahun lepas	11
1.2	Jumlah sekolah terlibat dalam kejohanan tenis peringkat MSSD negeri Perak mengikut daerah sepanjang 5 tahun lepas	12
1.3	Kepentingan terhadap pelaksanaan dasar pembelajaran dan SPI	20
2.1	Proses Kurikulum Taba	39
2.2	Jadual waktu minimum pelaksanaan aktiviti kurikulum sekolah	132
3.1	Senarai pakar cadangan awal komponen utama dan elemen	156
3.2	Senarai pakar FDM	157
3.3	Senarai pakar luar bagi pengukuhan FDM	158
3.4	Senarai pakar pemurnian proses pembangunan modul	160
3.5	Senarai pakar temu bual pemantauan penilaian	162
3.6	Instrumen fasa analisis keperluan	163
3.7	Instrumen fasa mereka bentuk dan pembangunan modul	165
3.8	Cadangan awal komponen, elemen, tema dan jenis aktiviti modul	166
3.9	Instrumen fasa penilaian kebolegunaan	168
3.10	Pakar kesahan instrumen fasa analisis dan keperluan	171
3.11	Kebolehpercayaan borang soal selidik melalui kajian rintis	174

3.12	Pakar untuk kesahan instrumen soal selidik FDM	179
3.13	Pakar untuk kesahan instrumen soal selidik NGT	181
3.14	Kaedah pengumpulan data fasa analisis keperluan	184
3.15	Kaedah pengumpulan data bagi fasa mereka bentuk dan pembangunan modul	187
3.16	Kaedah pengumpulan data fasa penilaian kebolegunaan modul	191
3.17	Kaedah menganalisis data fasa analisis keperluan kajian	193
3.18	Skala pemboleh ubah linguistik 7 mata	198
3.19	Nilai <i>threshold</i> (d) yang terhasil bagi 3 item yang dikaji berdasarkan pandangan 12 orang pakar yang dipilih	199
3.20	Peratusan kesepakatan pakar bagi tiga item yang dikaji dengan menggunakan kesepakatan 12 orang pakar	200
3.21	Nilai skor Fuzzy (a) yang dijalankan menggunakan penganalisisan <i>defuzzification process</i>	201
3.22	Kaedah menganalisis data fasa penilaian kebolegunaan	201
3.23	Analisis data Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	202
3.24	Matriks kajian pembinaan modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalaran	203
4.1	Taburan responden fasa analisis keperluan	208
4.2	Negara responden pakar FDM	213
4.3	Bidang kepakaran responden pakar	214
4.4	Pengalaman dalam bidang kepakaran	215
4.5	Tahap sijil kejurulatihan tenis pakar	216
4.6	Tahap kelulusan akademik pakar	217
4.7	Demografi Pakar bagi fasa penilaian kebolegunaan modul	219

4.8	Senario sukan tenis di sekolah rendah	224
4.9	Keperluan pembangunan modul kesediaan sukan	232
4.10	Cadangan komponen utama	236
4.11	Cadangan elemen bagi komponen utama	236
4.12	Cadangan kemahiran asas tenis	237
4.13	Elemen kepada komponen utama modul	243
4.14	Elemen kepada komponen utama modul	244
4.15	Sandaran teori bagi pembangunan elemen aktiviti	246
4.16	Reka bentuk dan perincian kandungan utama Modul	248
4.17	Skala pemboleh ubah linguistik 7 mata	250
4.18	Komponen utama modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan berdasarkan analisis Fuzzy Delphi (FDM)	251
4.19	Elemen bagi komponen taktikal dan teknikal berdasarkan analisis Fuzzy Delphi (FDM)	255
4.20	Sub konstruk kandungan utama modul	258
4.21	Jenis kemahiran bagi komponen taktikal dan teknikal berdasarkan analisis Fuzzy Delphi (FDM)	260
4.22	Jenis aktiviti bagi komponen taktikal dan teknikal berdasarkan analisis Fuzzy Delphi (FDM)	263
4.23	Cadangan tambahan jenis aktiviti	265
4.24	Tema aktiviti berdasarkan analisis Fuzzy Delphi (FDM)	268
4.25	Jangka masa aktiviti berdasarkan analisis Fuzzy Delphi (FDM)	271
4.26	Peralatan berdasarkan analisis Fuzzy Delphi (FDM)	274
4.27	Kandungan modul berdasarkan analisis Fuzzy Delphi (FDM)	277

4.28	Pembahagian elemen-elemen aktiviti latihan asas tenis serta penentuan jangka masa aktiviti mengikut cadangan oleh pakar	283
4.29	Penetapan untuk aktiviti bagi setiap sesi, jenis kemahiran, peralatan serta tema bagi pembangunan Modul Kesediaan Sukan Tenis Berasaskan Tenis Jalanan	286
4.30	Perincian objektif kepada setiap aktiviti yang terkandung dalam Modul Kesediaan Sukan Tenis Berasaskan Tenis Jalanan	289
4.31	Sub konstruk kesesuaian kandungan modul	293
4.32	Kesesuaian aktiviti-aktiviti modul	294
4.33	Kesesuaian tema bagi setiap aktiviti modul	297
4.34	Kesesuaian objektif bagi setiap aktiviti	301
4.35	Kesesuaian Jangka masa bagi setiap aktiviti modul	307
4.36	Kesesuaian peralatan aktiviti modul	310
4.37	Kesesuaian proses pelaksanaan aktiviti	314
4.38	Penilaian kebolegunaan pernyataan keseluruhan Modul Kesediaan Sukan Tenis berasaskan Tenis Jalanan	332

**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Kerangka teoretikal kajian	34
2.2	Model Kurikulum Taba	35
2.3	Konsep <i>Teaching Games For Understanding (TGfU)</i>	44
2.4	Teori Peringkat Pembelajaran	49
2.5	Model CIPP	55
2.6	Kerangka konseptual kajian	61
2.7	Carta alir pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR).	63
2.8	Jadual PRISMA	69
2.9	Fasa latihan taktikal	82
2.10	Fasa latihan teknikal	85
2.11	Tinggi purata manusia berdasarkan UNESCO (2002) dan ketinggian lantunan bola tenis yang berbeza (ITF, 2012)	102
3.1	Kaedah campuran analisis keperluan	139
3.2	Carta alir fasa analisis keperluan	140
3.3	Kaedah digunakan bagi reka bentuk dan pembangunan modul	141
3.4	Carta alir fasa reka bentuk dan pembangunan modul	144
3.5	Carta alir prosedur pendekatan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM)	147
3.6	Carta alir Fasa penilaian kebolegunaan modul	149
3.7	Carta alir proses Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	150
3.8	Pecahan pensampelan bagi fasa analisis keperluan	153



3.9	Pecahan pensampelan bagi fasa reka bentuk dan pembangunan	154
3.10	Pecahan pensampelan bagi fasa penilaian kebolegunaan	160
3.11	Proses protokol menjalankan temu bual	176
3.12	Prosedur pengumpulan data kajian fasa analisis keperluan	186
3.13	Proses gerak kerja kaedah pengumpulan data bagi fasa mereka bentuk dan pembangunan modul	190
3.14	Graf segi tiga min melawan nilai <i>triangular</i>	198
4.1	Hasil analisis FDM ke atas komponen utama, elemen dan kandungan utama modul	280
5.1	Perkaitan antara <i>Teaching Games for Understanding</i> (TGFU) dengan modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan	354
5.2	Perkaitan antara Teori Peringkat Pembelajaran (SLT) dengan Modul Kesediaan Sukan Tenis Berasaskan Tenis Jalanan	357
5.3	Pengalaman situasi sebenar permainan dalam latihan tubi	363
5.4	Perkaitan antara Model Kurikulum Taba dengan modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan	370
5.5	Konsep penilaian Model CIPP dalam fasa penilaian kebolegunaan Modul Kesediaan Sukan Tenis berasaskan Tenis Jalanan	380

SENARAI SINGKATAN

3M	Membaca, menulis dan mengira
A	skor <i>fuzzy</i>
ADM	<i>America Development Model</i>
AGT	<i>Achievement Goal Theory</i>
ATP	<i>Association of Tennis Professionals</i>
BAM	Persatuan Badminton Malaysia
CBI 1	<i>Coaching Beginner & Intermediate Player Course 1</i>
CBI 2	<i>Coaching Beginner & Intermediate Player Course 2</i>
d	Nilai <i>Threshold</i>
DDR	Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan
eRAS 2.0	Pengoperasian <i>Educational Research Application System</i> Versi 2.0
FDM	Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>
FGD	<i>Focus Group Discussion</i>
ISM	<i>Interpretive Structural Modelling</i>
ITF	<i>International Tennis Federation</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JTA	<i>Japan Tennis Association</i>
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LTA	<i>Great Britain Lawn Tennis Association</i>
LTAM	Persatuan Tenis Malaysia
LTAS	<i>Lawn Tennis Association of Thailand</i>

m	nombor <i>fuzzy</i>
MSSD	Majlis Sukan Sekolah Daerah
MSSM	Majlis Sukan Sekolah Malaysia
MSSN	Majlis Sukan Sekolah Negeri
MST	Program Latihan Mental
NGT	Teknik Kumpulan Nominal
PL	Pakar Luar
PJK	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PTC	<i>Play Tennis Course</i>
SDT	<i>Self-Determination Theory</i>
SPI	Surat Pekeliling Ikhtisas
SPSS	<i>Statistical Analysis Software</i>
SRAM	Persatuan Squash Malaysia
STA	<i>Singapore Tennis Association</i>
TGfU	<i>Teaching Games for Understanding</i>
TSI	Teori Peringkat Pembelajaran
USD	Dolar Amerika Syarikat
USTA	<i>United States Tennis Association</i>
WTA	<i>Women's Tennis Association</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Kelulusan untuk menjalankan kajian di sekolah rendah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia
- B Pengesahan pelajar untuk membuat penyelidikan
- C Instrumen analisis keperluan
- D Instrumen reka bentuk dan pembangunan modul
- E Instrumen penilaian kebolehgunaan
- F Maklum balas kesahan pakar instrumen
- G Prototaip Modul Sukan Tennis b Jalanan

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sukan tenis merupakan sukan yang dimainkan di dalam gelanggang samada di luar mahupun di dalam dewan yang tertutup dengan menggunakan peralatan utama iaitu raket dan bola tenis. Sukan tenis boleh dimainkan oleh semua peringkat umur, jantina lelaki dan wanita secara perseorangan, beregu dan beregu campuran. Sukan tenis telah menjadi sukan yang digemari bermula pada awal tahun 1873 dan popularitinya berkembang ke seluruh dunia dengan pantas dan masih mengekalkan adat, etika dan tradisinya yang tersendiri ke era moden (Williams & Patel, 2021). Tenis adalah sukan yang dipertandingkan di sukan Olimpik dan dimainkan oleh semua masyarakat dunia dalam semua peringkat usia. Sukan ini boleh dimainkan oleh sesiapa sahaja yang boleh memegang raket termasuklah pengguna kerusi roda. Permainan tenis moden berasal



dari Birmingham, England, pada akhir abad ke-19 yang dimainkan di atas permukaan rumput. Tennis mempunyai kaitan rapat dengan pelbagai permainan di atas rumput seperti kriket dan boling padang serta sukan raket tertua sekarang ini yang disebut tennis moden seperti yang dimainkan pada masa kini. Pada sebahagian besar abad ke-19, istilah tennis merujuk kepada tennis moden dan bukannya tennis rumput (Bell, 2020).

Pada era moden ini, kejohanan utama tennis dunia dianjurkan oleh *The Association of Tennis Professionals* (ATP) dan *Women's Tennis Association* (WTA). ATP adalah badan pentadbir bagi litar tennis profesional bagi pemain lelaki manakala WTA adalah badan pentadbir bagi litar tennis profesional bagi pemain wanita. Di Amerika Syarikat, *State of Industry Report* (Tennis Industry Association, 2015) melaporkan bahawa sukan tennis merupakan sukan tradisional yang pantas berkembang di Amerika Syarikat dengan jumlah keseluruhan pemain aktif seramai 17.7 juta orang dan 2 juta daripadanya adalah kanak-kanak berusia di bawah 12 tahun. Di samping itu, 658 000 orang daripada pelbagai kategori umur telah mendaftar sebagai ahli baru di dalam komuniti sukan tennis di sana pada tahun 2013 yang lalu. *State of Industry Report* (Tennis Industry Association, 2015) juga mendedahkan bahawa industri sukan tennis pada masa kini telah bernilai 5.5 bilion Dolar Amerika Syarikat (USD).

Di Malaysia pula, sukan tennis telah mula diperkenalkan pada abad ke 20. Persatuan Tennis Malaysia (LTAM) telah ditubuhkan pada tahun 1921 bagi melaksanakan, mempromosikan dan mengembangkan sukan tennis di Malaysia. Pertandingan tennis pertama yang dijalankan di Malaysia adalah pertandingan merebut Piala Chua dan diikuti pertandingan merebut Piala Guillemard untuk kategori lelaki dan Piala McCabe Peay untuk kategori wanita. Peranan LTAM juga adalah untuk memilih,





mempersiapkan dan menghantar pemain terbaik negara ke kejohanan antarabangsa (Lawn Tennis Association of Malaysia, 2022).

Pada tahun 2011, kumpulan pakar *The International Tennis Federation* (ITF) menyatakan bahawa cara terbaik bagi mempromosikan sukan tenis kepada pemain yang baru menjinakkan diri dalam sukan ini dengan menggalakkan penyertaan secara sepanjang hayat. Banyak kajian yang telah dilakukan di pelbagai negara mendapati bahawa terdapat peningkatan bilangan pemain tenis yang sukar untuk kekal aktif dalam sukan tenis disebabkan oleh pelbagai faktor. Bagi mencapai tahap permainan yang tinggi dan tersenarai dalam senarai kedudukan ATP dan WTA mahupun mewakili negara atau negeri dalam kejohanan sukan tenis, usaha, latihan dan pengorbanan masa serta tenaga diperlukan bagi meningkatkan mutu permainan dari masa ke semasa.



Memperkenalkan sukan di awal usia membolehkan kanak-kanak mempelajari kemahiran sesuatu sukan yang diperlukan di samping dapat meningkatkan minat dan keseronokan sukan tersebut serta sebagai langkah permulaan bagi kanak-kanak untuk menjadi pemain yang kompetitif dalam sukan yang diminati. Kajian oleh Smith (2019) menunjukkan bahawa pembangunan atlet yang berjaya dalam sesuatu sukan perlu dipupuk supaya meminati sukan tersebut sejak usia muda. Berdasarkan kesedaran tersebut, banyak organisasi sukan dalam negara berusaha untuk mengembangkan bakat atlet yang berpotensi dalam sukan yang diceburi pada usia mereka yang muda dengan melatih dan merekrut mereka untuk mengambil bahagian dalam program pembangunan sesuatu sukan (Jones, 2020).



Negara Jepun adalah contoh terbaik yang boleh diikuti oleh Malaysia dari segi usaha pembangunan sukan tenis. *Japan Tennis Association* (JTA) yang ditubuhkan pada tahun 1922 menganggap penyertaan sukan tenis yang lebih luas oleh kanak-kanak di bawah umur 10 tahun adalah kunci bagi perkembangan tenis di Jepun. Untuk mencapai tujuan itu, JTA telah mempromosikan program *Tennis Play & Stay*. Selain itu, JTA telah mengusahakan kerjasama dengan sekolah di Jepun sejak beberapa dekad yang lalu supaya tenis dijadikan sebahagian daripada acara sukan rasmi di sekolah. Usaha ini dapat membantu meningkatkan budaya bermain tenis di sekolah. JTA juga mengambil bahagian dalam sambutan cuti umum di seluruh negara Jepun untuk mempromosikan sukan tenis yang diadakan pada 23 September setiap tahun dengan kerjasama organisasi lain yang berkaitan dengan tenis. Hasil daripada inisiatif ini, negara Jepun memiliki pemain tenis lelaki dan wanita bertaraf dunia dan menjadikan sukan tenis sebagai sukan yang amat popular di Jepun.

1.2 Latar belakang kajian

Sukan tenis bukanlah satu sukan yang asing di Malaysia. Sukan tenis telah mula diperkenalkan pada abad ke 20 dan Persatuan Tenis Malaysia (LTAM) telah ditubuhkan pada tahun 1921 bagi melaksana, mempromosi dan mengembangkan sukan tenis di Malaysia. Namun begitu, setakat ini Malaysia belum berjaya melahirkan jaguh tenis bertaraf dunia seperti sukan-sukan raket yang lain iaitu badminton dan skuasy walaupun penubuhan rasmi LTAM lebih awal berbanding sukan badminton dan skuasy. Berdasarkan senarai kedudukan terkini pemain dalam *The Association of Tennis*



Professionals (ATP) dan *Women's Tennis Association* (WTA), pemain tenis Malaysia pada tahun 2022 dalam senarai ATP dan WTA adalah di luar kelompok 1500 teratas.

Menurut Thompson (2019), pendedahan awal sukan tenis kepada kanak-kanak adalah salah satu kunci kepada kejayaan seseorang atlet dalam sukan yang diceburi. Pengalaman pembelajaran awal yang berkualiti bukan sahaja membentuk kecekapan fizikal, malah amat penting kepada persepsi yang mendasari motivasi diri bagi meneruskan penyertaan dalam sukan yang diceburi sehingga berjaya. Purata umur mula bermain tenis bagi pemain profesional tenis pada masa kini adalah 6 hingga 7 tahun (Li, De Bosscher & Weissensteiner, 2018).

Sukan yang melibatkan jaring dan dinding merupakan sukan yang mencabar kepada kanak-kanak yang baru menjinakkan diri dalam sukan tersebut termasuklah sukan tenis (Roberts, 2021). Menurut Garcia (2020), kanak-kanak yang mula bermain tenis dengan menggunakan bola, saiz gelanggang dan ketinggian jaring yang sebenar kurang berpeluang memukul bola tenis untuk pukulan balas kepada gelanggang lawan dan kurang berjaya memukul bola tenis masuk ke gelanggang lawan. Pengalaman pembelajaran keseluruhan kanak-kanak bermain tenis yang kurang baik di awal usia menyebabkan mereka beranggapan sukan tenis adalah sukan yang tidak menyeronokkan kerana tidak kompeten dalam pukulan pepat dan pukulan kilas iaitu pukulan paling asas dalam tenis. Oleh itu, kanak-kanak cenderung untuk berhenti bermain tenis kerana keseronokan dan kompetensi adalah faktor utama menyumbang kepada seseorang itu terus menyertai sukan (Crane & Temple, 2015).





Hal ini kerana sukan tenis melibatkan tindak pintasan yang dinamik iaitu memerlukan tahap kecekapan yang signifikan yang perlu dicapai oleh pemain bagi mengekalkan rentak ayunan raket ketika bermain (Garcia, 2020). Dengan aspek koordinasi, pergerakan dalam gelanggang dan taktikal, kanak-kanak yang tiada pengalaman dan baru mula menceburi sukan tenis akan berasa sukan tenis ini terlalu mencabar dan tidak berkemampuan untuk pergi jauh dalam sukan tersebut (Garcia, 2020). Di samping itu, keperluan teknikal untuk bertindak yang terlalu kompleks dan penekanan yang diberikan kepada pemain untuk memenangi pertandingan berbanding sebagai platform mengembangkan bakat dan kemahiran dan keseronokan telah menyumbang kepada peningkatan kadar bilangan pemain tenis yang berusia awal remaja berhenti bermain tenis (Williams, 2021).



menceburi sukan tenis, mengubahsuai peralatan dan peraturan sukan tenis membantu dalam meningkatkan minat kanak-kanak bermain tenis di samping meningkatkan keseronokan bermain tenis kerana ia lebih mudah dipelajari. Oleh itu, pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh banyak pihak bagi mengurangkan kadar bilangan pemain awal remaja yang berhenti bermain tenis serta menarik minat kanak-kanak bermain tenis iaitu dengan mengubahsuai peralatan dan peraturan sukan tenis supaya ia lebih menyeronokkan, menghiburkan serta memudahkan kanak-kanak memperoleh kemahiran asas bermain tenis (Timmerman, Water, Kachel, Reid, Farrow & Savelsbergh, 2015). Dalam sukan tenis, mengubahsuai peralatan termasuk menggunakan raket yang ringan, tekanan bola yang rendah, merendahkan ketinggian jaring dan mengecilkan saiz gelanggang tenis telah wujud selama berdekad-dekad yang lalu (Harris, 2019).





Menurut Robinson, (2020), *Great Britain Lawn Tennis Association* (LTA) telah memperkenalkan mini tenis iaitu sukan tenis sebenar yang telah diubahsuai kepada 3 tahap yang progresif bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak melibatkan gelanggang yang lebih kecil, tekanan bola yang rendah, raket yang lebih ringan dan ketinggian jaring yang lebih rendah. Ketiga-tiga tahap ini telah ditetapkan jenis bola, saiz raket, ketinggian jaring dan juga saiz gelanggang mengikut umur kanak-kanak.

Pada tahun 2011, *International Tennis Federation* (ITF) telah menyokong penggunaan peralatan tenis yang diubahsuai kepada saiz yang berbeza iaitu raket, bola dan gelanggang tenis untuk digunakan dalam kejohanan oleh kanak-kanak berumur bawah 10 tahun. Pengubahsuaian peralatan tenis yang digelar sebagai mini tenis telah direka untuk meningkatkan tahap keseronokan dan kompetensi kanak-kanak dengan memperlakan permainan bagi membolehkan mereka mempraktikkan ayunan pukulan dengan betul supaya mereka lebih seronok dan akan terus bermain tenis (*International Tennis Federation*, 2015). Menurut Anderson (2021), pengalaman emosi bermain tenis amat penting kepada kanak-kanak berusia 10 tahun dan ke bawah. Bermain tenis dengan menggunakan bola pemampatan rendah dan gelanggang berskala kecil memberi pengalaman pertama yang lebih positif dan dinamik kepada pemain baru dan meningkatkan niat meneruskan bermain tenis dengan menjadikan sukan tenis lebih mudah dan menyeronokkan (Davies, 2018). Perkara ini dibuktikan oleh kajian yang dilakukan oleh Akbar pada tahun 2016 untuk melihat sejauh mana mini tenis memberi kesan kepada keseronokan, kompetensi dan kecenderungan kanak-kanak Kuwait bermain tenis dan beliau mendapati bahawa mini tenis dapat meningkatkan keseronokan dan kompetensi berbanding kanak-kanak yang bermain tenis sebenar pada permulaan penglibatan. Bahkan, kecenderungan bermain tenis kanak-kanak yang





bermain mini tenis lebih tinggi berbanding dengan kanak-kanak yang bermain tenis sebenar.

Mini tenis menggunakan gelanggang tenis sebenar yang diubahsuai dengan pita pelekat kepada saiz mini tenis yang telah ditetapkan mengikut tahap. Gelanggang tenis adalah kemudahan yang penting untuk seseorang bermain tenis mahupun mini tenis kerana lantunan bola tenis ketika pukulan balas dilakukan atau servis akan dipengaruhi oleh jenis permukaan gelanggang. Bermain tenis dan mini tenis di permukaan yang tidak sesuai akan memberi kesan kepada fizikal pemain seperti tindak balas biomekanikal di samping risiko kecederaan fizikal kepada pemain yang bermain dalam intensiti yang tinggi kerana bola tenis telah direka supaya dimainkan di atas permukaan yang bersesuaian seperti yang dimainkan pada zaman moden ini (Starbuck, Damm,



Clarke, Carré, Capel-Davis, Miller & Dixon, 2016).

Menurut Jackson (2020), sesuatu sukan yang popular di sesebuah kawasan bergantung kepada kemudahan sukan yang disediakan di kawasan tersebut. Melalui temu bual bersama Ketua Teknikal Sukan Tenis Sekolah-sekolah negeri Perak, En. Mazuki bin Mohamad (2022), beliau memaklumkan bahawa semua sekolah rendah di negeri Perak tidak mempunyai kemudahan gelanggang tenis. Namun begitu, Sekolah Kebangsaan Bahagia, Teluk Intan adalah satu-satunya sekolah rendah di negeri Perak yang mempunyai kemudahan gelanggang tenis. Kesan daripada ketiadaan kemudahan gelanggang tenis ini mengakibatkan semua pelajar sekolah rendah di negeri Perak kecuali pelajar Sekolah Kebangsaan Bahagia, Teluk Intan tidak berpeluang untuk didedahkan dengan sukan tenis. Faktor utama ketiadaan kemudahan gelanggang tenis ini adalah disebabkan kos untuk pembinaan gelanggang tenis yang tinggi di samping





sesetengah sekolah rendah dalam kawasan bandar mempunyai ruang yang terhad bagi membina sebuah gelanggang tenis.

Ketiadaan gelanggang tenis akan mengakibatkan individu yang ingin bermain tenis tidak berpeluang mencubanya dan populariti sukan tenis di negara ini tidak berkembang. Bahkan kanak-kanak di negara ini tidak berpeluang bermain tenis disebabkan ketiadaan kemudahan sukan tenis. Justeru itu, persaingan sukan tenis di peringkat sekolah rendah di Malaysia menjadi hambar dan melahirkan pemain tenis bertaraf dunia seperti inisiatif LTAM adalah sukar. Sehubungan itu, jika kanak-kanak di Malaysia berpeluang untuk didedahkan dengan sukan tenis seperti sukan-sukan lain yang popular di Malaysia, persaingan sukan tenis sekolah rendah dalam pelbagai peringkat di Malaysia akan menjadi lebih kompetitif dan secara tidak langsung pencarian bakat sukan tenis Malaysia akan terbuka luas bagi melahirkan pemain tenis bertaraf dunia pada masa yang akan datang bahkan sukan tenis akan menjadi sukan rekreasi pilihan masyarakat Malaysia memandangkan sukan tenis merupakan sukan terbaik untuk diceburi oleh semua lapisan masyarakat tidak kira peringkat umur malahan didapati sebagai sukan sepanjang hayat (Reynolds, 2018).

Di Malaysia, LTAM dan organisasi yang mengelola pembangunan tenis negeri-negeri juga telah menganjurkan program dan pertandingan mini tenis kepada kanak-kanak berusia 4 hingga 10 tahun sejak tahun 2017 lagi sebagai alternatif memperkenalkan sukan tenis kepada generasi muda untuk menarik minat mereka menceburi sukan tenis. Memperkenal dan memasarkan sukan tenis kepada kanak-kanak di seluruh negara adalah usaha meningkatkan populariti sukan tenis di Malaysia pada masa yang akan datang di mana ia boleh dijadikan pilihan sebagai sukan riadah dan





sebagai medium mencungkil bakat (Lawn Tennis Association of Malaysia (2022). Secara tidak langsung, sukan tenis di Malaysia akan lebih berkembang maju dan kompetitif di peringkat daerah, negeri mahupun kebangsaan. Walaupun lebih 4 tahun mini tenis diperkenalkan oleh LTAM, perkembangan sukan tenis di Malaysia masih perlahan dan kurang mendapat sambutan daripada kanak-kanak.

Pada peringkat kebangsaan, hanya terdapat 6 litar pertandingan tenis kanak-kanak utama di Malaysia bagi setiap tahun dan penyertaan bagi setiap litar tenis tersebut tidak begitu menggalakkan. Sebagai contoh, penyertaan pertandingan tenis Leg 1: *Silverlake Tennis Malaysia Junior Tour Sportexcel 2021* yang telah diadakan pada 25 hingga 28 Mac 2021 bertempat di Kompleks Tenis Air Keroh Melaka yang dianjurkan oleh LTAM adalah kurang menggalakkan dengan penyertaan kategori 12 tahun ke bawah bagi lelaki seramai 11 orang manakala perempuan 10 orang. Perkara ini membuktikan bahawa ramai kanak-kanak di Malaysia terutamanya pelajar sekolah rendah tidak didedahkan dengan sukan tenis walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh LTAM dan persatuan tenis negeri, bahkan Majlis Sukan Sekolah di pelbagai peringkat turut mempertandingkan sukan tenis ini pada setiap tahun.

Sukan di sekolah memainkan peranan penting dalam membangunkan modal insan yang cergas, kreatif, dan berdaya saing, di samping memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Dasar berkaitan sukan di sekolah telah lama diperkasakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui laporan, dasar, dan surat pekeliling yang relevan, termasuk Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979, Dasar 1 Pelajar 1 Sukan, dan pelaksanaan



Surat Pekeliling Ikhtisas dalam usaha merencanakan penglibatan pelajar sekolah rendah dalam aktiviti sukan.

Namun begitu, bagi sukan tenis yang dipertandingkan di peringkat Majlis Sukan Sekolah Daerah (MSSD) saban tahun terutamanya di negeri Perak, penyertaan yang diterima oleh pertandingan tersebut amat rendah seperti dalam jadual 1.1 berikut.

Jadual 1.1

Jumlah penyertaan pelajar sekolah rendah dalam kejohanan tenis peringkat MSSD negeri Perak mengikut daerah sepanjang 5 tahun lepas

Daerah	2017	2018	2019	2020	2021	Purata
Batang Padang	14	9	12	-	-	12
Manjung	15	12	8	-	-	12
Kerian	7	7	8	-	-	7
Kuala Kangsar	27	19	40	-	-	29
Hilir Perak	20	21	18	-	-	20
Larut, Matang dan Selama	20	23	19	-	-	21
Hulu Perak	10	8	9	-	-	9
Perak Tengah	9	12	12	-	-	11
Kinta Utara	36	45	34	-	-	38
Kinta Selatan	15	13	12	-	-	13
Bagan Datuk	8	10	5	-	-	8
Jumlah	181	179	180	-	-	180

Sumber: Data daripada setiap Ketua Teknikal Sukan Tenis sekolah rendah peringkat MSSD negeri Perak

Selain itu, trend penyertaan dalam sukan tenis bagi kejohanan MSSD 5 tahun kebelakangan ini tidak meningkat dengan terdapat beberapa daerah di negeri Perak hanya disertai oleh 2 buah sekolah sahaja secara purata seperti jadual 1.2 berikut.

Jadual 1.2

Jumlah sekolah terlibat dalam kejohanan tenis peringkat MSSD negeri Perak mengikut daerah sepanjang 5 tahun lepas

Daerah	2017	2018	2019	2020	2021	Purata
Batang Padang	3	3	3	-	-	3
Manjung	4	4	3	-	-	3
Kerian	2	2	2	-	-	2
Kuala Kangsar	7	6	8	-	-	7
Hilir Perak	5	5	5	-	-	5
Larut, Matang dan Selama	8	8	7	-	-	7
Hulu Perak	3	3	2	-	-	3
Perak Tengah	2	2	2	-	-	2
Kinta Utara	12	13	12	-	-	12
Kinta Selatan	4	4	3	-	-	3
Bagan Datuk	3	3	2	-	-	3

Sumber: Data diperolehi daripada setiap Ketua Teknikal Sukan Tenis sekolah rendah peringkat MSSD negeri Perak

Ketiadaan kemudahan gelanggang tenis bukanlah penghalang kepada usaha untuk memperkenalkan sukan tenis di sekolah rendah di negeri Perak. Dengan pengubahsuaian alatan tenis terutamanya kepada bola yang boleh didapati di pasaran, sukan tenis boleh diadakan di mana-mana sahaja yang mempunyai ruang yang sesuai dan tidak memerlukan permukaan lantai yang spesifik dan boleh dimainkan di atas padang rumput, lantai simen, tanah mahupun jalan tar (Williams, 2021).

Bola tenis tahap satu mini tenis adalah jenis bola tenis yang paling sesuai dimainkan tanpa gelanggang kerana ia boleh digunakan di pelbagai jenis permukaan. Selain itu, bola tersebut direka untuk meningkatkan masa apung di udara, meningkatkan seretan pada bola yang menyebabkan pergerakan bola menjadi lebih perlahan, dan secara tidak langsung membantu meningkatkan bilangan pukulan balas ketika bermain tenis (Kilit, Arslan, Soylyu, & Lane, 2024). Tomov, Tomova, dan Atanasov (2021) mendapati bola tenis bertekanan rendah memberi kesan yang paling positif kepada kualiti latihan pukulan asas kepada pemain baru dan pemain yang berusia



12 tahun ke bawah berbanding menggunakan bola tenis standard yang bertekanan tinggi. Dengan menggunakan bola tenis tahap satu dan jaring tenis mudah alih yang juga boleh didapati di pasaran pada masa ini, semua sekolah di negeri Perak berpeluang untuk melahirkan pemain tenis bagi mewakili sekolah seterusnya mengembangkan bakat mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Walaupun bola mini tenis tahap 1 ini direka untuk kanak-kanak berumur 5 hingga 8 tahun, ia bersesuaian digunakan oleh pelbagai peringkat umur yang tiada pengalaman dalam sukan tenis di mana tujuan asal menggunakan boleh jenis tersebut adalah untuk membina kemahiran pukulan asas tenis dan boleh dimainkan di pelbagai jenis permukaan (Robinson, 2020). Oleh itu, semua pelajar sekolah rendah berpeluang didedahkan dengan sukan tenis dan akan menarik minat pelajar sekolah rendah untuk menceburi sukan tenis seperti sukan-sukan lain yang mempunyai kemudahan di sekolah.



Bermain tenis menggunakan bola mini tenis tahap 1 dan jaring mudah alih telah muncul di beberapa negara yang popular dan sinonim dengan sukan tenis seperti Kanada, Amerika Syarikat, Itali dan Belgium. Ia dikenali sebagai tenis jalanan. Namun, tenis jalanan ini tidaklah begitu popular dimainkan di negara-negara tersebut kerana negara yang popular dan sinonim dengan sukan tenis ini mempunyai kemudahan tenis yang lengkap dan kelab-kelab tenis di kebanyakan daerah di sana walaupun daerah yang kecil (Carter, 2020). Tidak seperti di Malaysia, gelanggang tenis hanya boleh didapati sekitar kawasan bandar dan amat sukar didapati di daerah yang kecil. Oleh itu, pendekatan tenis jalanan sebagai alternatif kepada tenis sebenar dan mini tenis di Malaysia dalam memberi pendedahan kepada kanak-kanak untuk bermain tenis amat bersesuaian dimainkan di sekolah-sekolah yang tidak mempunyai kemudahan gelanggang tenis.



1.3 Penyataan masalah

Dewasa ini, sukan dilihat sebagai medium yang dijadikan landasan dalam memupuk perpaduan antara kaum terutamanya di Malaysia. Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 7hb November 1979 pada perkara 5 menyatakan kegiatan sukan dan olahraga di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan hendaklah terus dipergiatkan supaya matlamat perpaduan di antara pelajar-pelajar berbilang kaum dan lapisan masyarakat dapat dicapai.

Menyebut dasar yang dinyatakan dalam perkara 5 tersebut, pertandingan sukan tenis telah disenaraikan dan dipertandingkan dalam takwim Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), Majlis Sukan Sekolah Negeri (MSSN) dan Majlis Sukan Sekolah Daerah (MSSD) pada setiap tahun. Namun begitu, penyertaan pelajar-pelajar sekolah rendah di peringkat MSSD negeri Perak tidak menggalakkan.

Senario ini menunjukkan bahawa sekolah-sekolah rendah di negeri Perak kurang terlibat dalam mempersiapkan atlet tenis bagi menyertai pertandingan tenis peringkat MSSD. Melalui tinjauan yang dilakukan, penyelidik mendapati bahawa kekangan guru bagi menyediakan atlet tenis kerana tiada gelanggang tenis di sekolah dengan peralatan yang terhad. Selain itu, kekangan kewangan untuk menyewa gelanggang sebenar juga membantutkan usaha guru menjalani sesi latihan dengan kerap.

Di samping itu, ketiadaan modul yang sesuai untuk dijadikan rujukan menyukarkan guru mendedahkan sukan tenis kepada pelajar-pelajar mereka. Buku teks Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) pada semua tahap di sekolah rendah tidak



mengandungi asas sukan tenis. Silibus sukan tenis hanya boleh didapati di peringkat sekolah menengah iaitu dalam silibus buku teks PJK tingkatan 3. Oleh itu, tiada ruang dan peluang untuk pelajar-pelajar sekolah rendah didedahkan dengan sukan tenis dan akibat daripada perkara ini dizahirkan melalui penyertaan pertandingan sukan tenis di peringkat MSSD 5 tahun kebelakangan ini berkurangan dan purata sekolah rendah yang terlibat hanya tiga peratus daripada 852 buah sekolah yang ada di negeri Perak.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerbitkan modul latihan sukan tenis untuk sekolah rendah dan menengah pada 2011 sempena Dasar 1 Murid 1 Sukan. Namun, modul ini didapati kurang sesuai untuk pelajar sekolah rendah di Perak akibat kekangan kemudahan gelanggang tenis serta tidak mempertimbangkan perbezaan fizikal antara pelajar rendah dan menengah. Fernandez, Nakamura, Moreno-Perez, Lopez-Valenciano, Del Coso, Gallo-Salazar & Sanz-Rivas (2019) menegaskan kepentingan faktor umur dalam keupayaan fizikal individu, menyeru jurulatih menyesuaikan teknik dan peralatan berdasarkan peringkat umur, termasuk di peringkat awal penglibatan sukan.

Menurut Van Mullem (2020), kekurangan pengetahuan dan kemahiran jurulatih menyumbang kepada perlahannya perkembangan sukan. Tinjauan penyelidikan mendapati kekangan masa guru dan kekurangan tenaga pengajar tenis menghambat penyediaan atlet, dengan kaedah latihan yang tidak berstruktur menyukarkan perancangan. Menurut Mazuki bin Mohamad (2022), pengalaman beliau selama 10 tahun sebagai Ketua Teknikal Tenis Sekolah-sekolah Perak menunjukkan pemain MSSD sering menghadapi kesukaran memukul balas bola dengan konsisten akibat teknik asas yang lemah. Sebaliknya, pelajar yang dilatih jurulatih berbayar atau





memiliki ibu bapa yang aktif bermain tenis menunjukkan kemahiran lebih baik kerana pendedahan teknik asas sejak awal. Dohme, Bloom, dan Knight (2021) turut menyatakan bahawa pemain tenis junior elit di England mendapat sokongan ibu bapa, termasuk latihan bersama jurulatih berpengalaman, yang memperkukuh kemahiran, strategi, konsistensi, dan kualiti permainan mereka.

Situasi ini mendorong penyelidik untuk menghasilkan modul komprehensif bagi memperkenalkan kemahiran asas tenis kepada pelajar sekolah rendah, memastikan pembelajaran asas yang tepat dan pengalaman bermain yang menyeronokkan. Tinjauan sistematik menggunakan jadual PRISMA menunjukkan tiada perbincangan akademik berkaitan pembinaan modul kesediaan tenis tanpa gelanggang. Penyelidik mencadangkan pembinaan modul sukan tenis jalanan pelajar sekolah rendah untuk memberi peluang kepada semua pelajar bermain tenis, meskipun tanpa gelanggang. Modul ini dibangunkan menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) oleh Richey & Klein (2023), memastikan ia menyeluruh dan praktikal.

Modul ini berpotensi mengatasi kekangan kemudahan gelanggang, membolehkan pelajar sekolah rendah di Perak mempelajari asas pukulan tenis yang betul. Selaras dengan laporan Jawatankuasa Kabinet (Perkara 53), modul ini juga menyokong penubuhan kelab tenis di sekolah rendah berdasarkan kemudahan, persekitaran, dan keperluan setempat.





1.4 Objektif kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk membina modul sukan tenis jalanan pelajar sekolah rendah dengan menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) oleh (Richey & Klein, 2023) yang mempunyai tiga fasa kajian iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan serta fasa penilaian kebolehgunaan. Objektif khusus kajian ini adalah berdasarkan fasa-fasa kajian tersebut seperti berikut:

Fasa 1: Analisis keperluan modul sukan tenis jalanan pelajar sekolah rendah.

- 1) Mengenal pasti keperluan pembangunan modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan sekolah rendah.

Fasa 2: Reka bentuk dan pembangunan modul sukan tenis jalanan pelajar sekolah rendah.

- 2) Mereka bentuk modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan sekolah rendah.
- 3) Membangunkan modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan sekolah rendah.

Fasa 3: Penilaian kebolehgunaan modul sukan tenis jalanan pelajar sekolah rendah.

- 4) Menilai kebolehgunaan modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis sekolah rendah.



1.5 Persoalan kajian

Bagi memenuhi objektif kajian dalam setiap fasa DDR tersebut, persoalan-persoalan kajian berikut telah dibentuk untuk menjalankan penyelidikan ini seperti berikut:

- 1) Fasa analisis keperluan
 - a) Apakah senario semasa sukan tenis di sekolah rendah?
 - b) Adakah terdapat keperluan pembangunan modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan di sekolah rendah?
 - c) Apakah komponen yang perlu ada dalam modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan?

2) Fasa reka bentuk dan pembangunan

Sub fasa reka bentuk komponen utama dan elemen modul:

- a) Apakah komponen utama dalam modul sukan tenis berasaskan tenis jalanan bagi pelajar sekolah rendah berdasarkan kesepakatan pakar?
- b) Apakah elemen-elemen kepada komponen utama modul sukan tenis berasaskan tenis jalanan bagi pelajar sekolah rendah berdasarkan kesepakatan pakar?

Sub fasa reka bentuk pembangunan kandungan utama modul:

- c) Apakah kandungan utama yang sesuai dalam modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan berdasarkan kesepakatan pakar?

3) Fasa penilaian kebolegunaan

- a) Sejauh manakah persetujuan pakar terhadap kesesuaian kandungan modul bagi pemantauan penilaian untuk kebolegunaan modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan sekolah rendah?
- b) Sejauh manakah persetujuan pakar terhadap kesesuaian pernyataan keseluruhan kebolegunaan modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan sekolah rendah?

1.6 Kepentingan kajian

Memperkenalkan sukan pada usia muda membolehkan kanak-kanak mempelajari kemahiran sesuatu sukan yang diperlukan di samping dapat memupuk minat dan keseronokan sukan tersebut serta sebagai langkah permulaan bagi kanak-kanak untuk menceburi sukan tersebut secara kompetitif apabila meningkat usia. Shuilbury et al. (2008) menyatakan bahawa pembentukan seseorang atlet yang berjaya dalam sesuatu sukan adalah atlet tersebut perlu dipupuk bagi meminati sukan tersebut sejak usia muda.

Dalam konteks sukan tenis di Malaysia, ia amat sukar direalisasikan di atas faktor kemudahan sukan tenis ditambah dengan ketiadaan modul khas yang komprehensif kepada pelajar sekolah rendah. Oleh itu, dengan pembangunan modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan yang menggunakan pendekatan DDR, ia dapat memberi impak yang positif terhadap perkembangan sukan tenis di Malaysia pada masa hadapan.

1. Kajian dapat mendukung perkara-perkara dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 7hb November 1979 berkenaan kegiatan kokurikulum di sekolah dan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) seperti dalam jadual 1.3 berikut:

Jadual 1.3

Kepentingan terhadap pelaksanaan dasar pembelajaran dan SPI

Perkara	Butiran	Modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan
Perkara 50 Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979	Semua pelajar hendaklah digalakkan supaya mengambil bahagian secara lebih aktif dalam kegiatan kokurikulum. Oleh itu, guru-guru hendaklah didedahkan kepada pendekatan yang menarik dalam pengendalian kegiatan-kegiatan kokurikulum	Pengubahsuaian peralatan tenis bagi disesuaikan dengan fizikal kanak-kanak dapat menarik minat mereka untuk menyertai sukan tenis (Goldfine, 2013). Peralatan tenis yang diubah suai telah direka untuk meningkatkan tahap keseronokan dan kompetensi dengan memperlahankan permainan bagi membolehkan mereka mempraktikkan ayunan pukulan dengan betul supaya kanak-kanak lebih seronok dan akan terus bermain tenis (<i>International Tennis Federation</i> , 2015).
Perkara 53 Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979	Pemilihan persatuan/kelab yang hendak ditubuhkan itu hendaklah berasaskan kepada kemudahan yang ada dengan suasana dan persekitaran serta keperluan tempatan.	Dengan pengubahsuaian alatan tenis terutamanya kepada bola yang mudah didapati di pasaran iaitu dimainkan bagi mini tenis, sukan tenis pada masa kini boleh dimainkan di mana-mana sahaja yang mempunyai ruang yang sesuai dan tidak memerlukan lantai yang spesifik dan boleh dimainkan di atas padang rumput, lantai simen, tanah mahupun jalan tar (Buszart et al. 2014). Oleh itu, kelab tenis di sekolah rendah boleh ditubuhkan seperti termaktub dalam Perkara 53 ini.
Perkara 54 Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979	kegiatan sukan dan olahraga di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan hendaklah terus dipergiatkan supaya matlamat perpaduan di antara pelajar-pelajar berbilang kaum dan lapisan masyarakat dapat dicapai	Dengan adanya Modul Kesediaan Sukan Tenis Berasaskan Tenis Jalanan ini, pelajar-pelajar sekolah rendah di seluruh Malaysia berpeluang untuk didedahkan dengan sukan tenis seperti sukan-sukan lain yang popular di Malaysia. Oleh itu, persaingan sukan tenis dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah di pelbagai peringkat kejohanan seperti MSSD, MSSN dan MSSM akan menjadi lebih kompetitif dan secara tidak langsung pencarian bakat sukan tenis di Malaysia akan terbuka luas untuk melahirkan pemain tenis bertaraf dunia.
Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 1/1989	Pihak sekolah perlu menambah serta mempelbagaikan jenis kegiatan sukan di sekolah dan berusaha untuk menyediakan kemudahan dan peralatan bagi menggalakkan kegiatan sukan dalam kalangan pelajar.	Masalah kemudahan bermain tenis yang paling utama di sekolah adalah gelanggang. Dengan adanya Modul Kesediaan Sukan Tenis berasaskan Tenis Jalanan ini, pihak sekolah dapat menyediakan kemudahan ini tanpa peruntukan kewangan yang tinggi seperti yang diperlukan bagi membina sebuah gelanggang tenis.

2. Kajian ini dapat mengetengahkan satu pendekatan baharu dalam mendedahkan kanak-kanak dengan asas permainan tenis yang sesuai dengan fizikal dan kemampuan mereka berpandukan modul yang kondusif dan dibina secara komprehensif. Oleh itu, diharap modul ini dapat diangkat ke peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memberikan kesediaan sukan tenis kepada pelajar sekolah rendah melalui aktiviti kokurikulum sekolah di mana sukan tenis ini merupakan sukan yang lengkap ke atas galakan perkembangan fizikal kanak-kanak iaitu ia mampu meningkatkan koordinasi motor ketika bersukan iaitu berkaitan dengan kemampuan otak kanak-kanak untuk memancarkan impuls saraf yang mampu mengkoordinasikan pergerakan otot dan hujung badan bagi membolehkan menendang, memukul, membaling dan sebagainya (Sun & Chen, 2024). Di samping itu, ia dapat memenuhi keperluan sekolah untuk menyediakan atlet tenis ke pertandingan tenis Majlis Sukan Sekolah di peringkat daerah, negeri dan Kebangsaan memandangkan sukan tenis disenarai dalam takwim tahunan Majlis Sukan Sekolah.
3. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi cetusan idea kepada penyelidik-penyelidik yang akan datang untuk membangunkan modul-modul sukan yang komprehensif dan sesuai dengan kanak-kanak yang berusia 12 tahun ke bawah. Ini kerana bagi melahirkan atlet yang profesional bagi sesuatu sukan, kanak-kanak perlu diberi pendedahan awal ke atas sukan yang diminati dengan kemahiran asas yang betul dan dalam kemampuan fizikal kanak-kanak supaya menggalakkan penyertaan mereka untuk bersukan secara berterusan. Dalam kajian Li, Weissensteiner, Pion & Bosscher pada tahun 2020, mereka mendapati bahawa 96% pemain tenis profesional yang berada di tangga 300 tertinggi di

dalam senarai *The Association of Tennis Professionals* (ATP) dan *Women's Tennis Association* (WTA) mula diberi pendedahan sukan tenis bermula pada usia 3 hingga 10 tahun.

4. Kajian ini diharap dapat membantu beberapa pihak persatuan tenis daerah mahupun negeri untuk memberi gambaran berkenaan keberkesanan tenis jalanan sebagai medium pendedahan awal dan peluang kepada semua kanak-kanak untuk bermain tenis supaya sukan tenis di Malaysia pada masa depan akan semakin diminati dan populariti sukan tenis akan meningkat. Oleh itu, jumlah penganjuran pertandingan sukan tenis akan meningkat dan mendapat sambutan daripada peserta kerana jumlah pemain tenis yang akan meningkat saban tahun. Secara tidak langsung sukan tenis di Malaysia menjadi lebih kompetitif seterusnya akan melahirkan pemain tenis negara yang bertaraf dunia kerana menurut Vyas (2017), program pembangunan tenis yang berkesan di sesebuah negara dapat melahirkan pemain tenis yang bertaraf dunia.

5. Kajian ini berpotensi membantu meningkatkan ekonomi industri tenis di Malaysia. Sebagai contoh, setelah 4 tahun diperkenalkan mini tenis (MT) iaitu sukan tenis yang diubahsuai di Amerika Syarikat, ia telah meningkatkan bilangan kanak-kanak bermain tenis sebanyak 4 peratus di mana telah memberi impak positif kepada industri tenis sana. Kemudahan gelanggang tenis telah ditambah sebanyak seribu gelanggang manakala sepuluh ribu bagi gelanggang MT. Di samping itu juga, jualan peralatan MT turut meningkat saban tahun (Francesconi, 2021). Secara tidak langsung, ia dapat membuka pelbagai peluang perniagaan dan pekerjaan melibatkan sukan tenis.

6. Morales, Pillajo, Flores, Lorenzo & Concepción (2016) menyatakan bahawa pengamalan aktiviti fizikal sepanjang hayat seseorang adalah kerana mereka telah dipupuk sejak awal usia dengan sukan oleh ibu bapa. Pendedahan aktiviti fizikal yang positif di awal usia memberi kesan kepada seseorang individu untuk terus aktif dalam aktiviti fizikal (Ferkel, Hutchinson, Razon, True, Zupin, Jones, & Judge, 2019). Perkara ini menunjukkan betapa pentingnya penelitian kaedah yang berfungsi sebagai medium memperkenalkan sukan terutamanya sukan tenis kepada kanak-kanak dalam konteks penyelidikan ini walaupun mempunyai kekangan kemudahan sukan tenis dengan melihat beberapa perkara seperti keseronokan, kompetensi dan niat meneruskan penyertaan. Melalui persekitaran pembelajaran yang mendorong kejayaan awal dan pengembangan kemahiran asas yang lebih mudah, kecenderungan untuk meneruskan penyertaan dalam sukan tenis berkemungkinan besar akan meningkat. Kesannya, lebih ramai kanak-kanak apabila meningkat usia akan memilih sukan tenis sebagai sukan seumur hidup bagi meningkatkan kesihatan fizikal dan mental mereka (Rai, Jongenelis, Jackson, Newton & Pettigrew, 2019).
7. Kajian ini juga memberi sumbangan kepada bacaan akademik di dalam bidang yang dikaji kerana masih terdapat kekurangan rujukan berkenaan sukan tenis yang telah diubahsuai. Tambahan pula, masih tiada lagi kajian-kajian dan bahan bacaan akademik ke atas tenis jalanan iaitu tenis yang telah diubahsuai yang memfokuskan pembinaan kemahiran pukulan asas tenis kepada kanak-kanak mahupun orang dewasa yang baru mula bermain tenis dan boleh dimainkan di pelbagai jenis permukaan seperti rumput, tanah, simen dan jalan tar (Robinson, 2020). Oleh yang demikian, peralatan tenis jalanan yang dikenali sebagai *Street*

Tennis Kit mula dikomersialkan di beberapa negara seperti Kanada, Amerika Syarikat, Itali dan Belgium dan tenis jalanan ini begitu asing di Malaysia. Oleh itu, modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan ini bukan sahaja sesuai digunakan oleh pelajar-pelajar sekolah rendah, bahkan boleh digunakan oleh semua peringkat umur yang mahu mempelajari kemahiran asas pukulan tenis tanpa memerlukan gelanggang dan boleh dimainkan di kawasan yang bersesuaian seperti kawasan belakang rumah, di taman permainan dan lain-lain tempat yang bersesuaian.

8. Kajian ini adalah untuk membina modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan kepada pelajar sekolah rendah di mana penyelidik mengambil elemen teori *Teaching Games For Understanding* (TGfU) dalam membina modul tersebut. Oleh itu, modul ini selari dengan elemen yang terdapat dalam kandungan pelajaran Pendidikan Jasmani sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010). Ia membuktikan bahawa modul yang dibangunkan ini amat sesuai digunakan oleh pelajar sekolah rendah dan boleh diangkat sebagai modul bagi aktiviti kokurikulum bagi pelajar sekolah rendah di seluruh Malaysia.

1.7 Definisi Operasional

Beberapa istilah di dalam kajian ini perlu dijelaskan dengan lebih terperinci kerana ia mungkin mempunyai maksud yang berbeza yang difahami oleh umum dan perlu di definisikan secara operasi dalam konteks kajian ini kerana ia memudahkan kefahaman pembaca dalam kajian pembinaan modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan dengan menggunakan pendekatan DDR.

1.7.1 Tenis

Tenis merupakan sukan raket yang boleh dimainkan secara individu menentang seorang lawan ataupun dimainkan oleh 2 kumpulan terdiri daripada 2 orang pemain bagi setiap kumpulan. Setiap pemain akan menggunakan sebatang raket yang bertali untuk memukul bola getah yang berongga ditutupi dengan kain jenis *felt* melintasi net menuju ke arah gelanggang pihak lawan. Objektif permainan adalah melakukan pukulan balas bola tenis sehingga pihak lawan tidak dapat membalas pukulan tersebut kembali ke gelanggang. Pemain yang gagal melakukan pukulan balas untuk mengembalikan bola tenis ke gelanggang lawan tidak akan mendapat mata sebaliknya pihak lawan yang mendapat mata (Lake, 2019). Dalam konteks kajian ini, modul yang dibina adalah khas untuk sukan tenis di mana ia berfungsi sebagai tutorial bertulis bagi membantu guru atau jurulatih memberi tunjuk ajar asas sukan tenis dengan betul kepada pelajar sekolah rendah.

1.7.2 Mini tenis

Mini tenis merupakan tenis yang telah diubahsuai dengan saiz gelanggangnya lebih kecil, raket yang lebih pendek dan ringan dan menggunakan bola yang lebih lembut. Mini Tenis adalah seperti tenis yang sebenar namun lantunan bola yang lebih rendah dan perlahan. Dengan bermain mini tenis, ia memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk membina kemahiran dalam teknik pukulan tenis dengan betul (Fitzpatrick, Davids & Stone, 2017). Mini tenis mempunyai tiga tahap iaitu tahap 1 menggunakan bola berwarna hijau dan tekanan bola hijau tersebut adalah 25 peratus kurang daripada bola tenis sebenar dan dimainkan oleh kanak-kanak berumur 10 tahun ke atas. Bagi tahap 2 pula, ia menggunakan bola berwarna jingga dan tekanan bola jingga tersebut adalah 50 peratus kurang daripada bola tenis sebenar dan dimainkan oleh kanak-kanak berumur 8 hingga 9 tahun. Manakala bagi tahap 3, ia menggunakan bola berwarna merah atau mini tenis tahap 1 dan tekanan bola tersebut adalah 75 peratus kurang daripada bola tenis sebenar dan dimainkan oleh kanak-kanak berumur 4 hingga 8 tahun (Fitzpatrick et al. 2017). Dalam kajian ini, tenis jalanan adalah hasil adaptasi mini tenis disebabkan faktor persekitaran sukan tenis di Malaysia di peringkat sekolah rendah iaitu kekangan kemudahan gelanggang dengan tujuan untuk membina kemahiran asas sukan tenis.



1.7.3 Tenis jalanan

Tenis jalanan adalah adaptasi mini tenis di atas faktor persekitaran di sekolah rendah di Malaysia kerana ketiadaan gelanggang tenis untuk digunakan pelajar dan guru bagi menjalankan aktiviti sukan tenis. Perbezaan tenis jalanan dan mini tenis adalah tenis jalanan boleh dimainkan tanpa gelanggang iaitu di pelbagai jenis permukaan seperti rumput, tanah, simen dan jalan tar tanpa mengabaikan konsep-konsep penting pukulan asas tenis manakala mini tenis dimainkan di dalam gelanggang tenis yang sebenar yang dibahagi kepada saiz mini tenis. Penggunaan raket pula bergantung kepada kesesuaian fizikal pemain kerana tenis jalanan merupakan tenis yang boleh dimainkan oleh pelbagai peringkat umur. Bola tenis tahap satu mini tenis adalah jenis bola yang digunakan untuk bermain tenis jalanan kerana ia adalah yang paling sesuai dimainkan tanpa gelanggang kerana ia boleh digunakan di pelbagai jenis permukaan (Buszart et al. 2014).

1.7.4 Modul

Modul ialah bahan pengajaran yang dirancang secara sistematik untuk membantu proses pembelajaran, sama ada secara individu atau berkumpulan. Modul biasanya mengandungi kandungan pembelajaran, objektif, aktiviti, dan penilaian yang dirancang dengan jelas dan tersusun. Tujuannya adalah untuk memastikan pelajar dapat mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan secara berstruktur dan sendiri. Setiyadi, Supriyadi dan Wulandari (2017) mentakrifkan modul pembelajaran sebagai bahan pengajaran bercetak yang disusun secara sistematik dengan bahasa yang mudah difahami oleh





pelajar, serta sesuai dengan usia dan tahap pengetahuan mereka, bagi membolehkan pembelajaran sendiri dilaksanakan. Dalam konteks kajian anda, modul sukan tenis jalanan pelajar sekolah rendah ialah satu bentuk modul yang direka untuk memperkenalkan kemahiran asas tenis kepada pelajar sekolah rendah dengan pendekatan yang praktikal dan menyeronokkan.

1.8 Batasan kajian

Kajian ini dilaksanakan mengikut 3 fasa utama iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan dan fasa penilaian kebolegunaan. Tumpuan kajian ini adalah untuk membina Modul Kesediaan Sukan Tenis Berasaskan Tenis Jalanan dengan menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) oleh (Richey dan Klein, 2023).

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai batasan kajian tersendiri yang mempengaruhi dapatan kajian. Menurut Theofanidis dan Fountouki (2018), Limitasi adalah batasan kajian ini disebabkan faktor kelemahan yang berlaku ketika penyelidik menjalankan kajian di mana ia tidak dapat dikawal oleh penyelidik. manakala batasan kajian yang dihadapi oleh penyelidik akibat daripada skop kajian yang ditetapkan oleh penyelidik sendiri berdasarkan isu dan masalah kajian digelar sebagai delimitasi. Bagi kajian ini, penyelidik telah mengenal pasti beberapa limitasi dan delimitasi yang berkemungkinan mempengaruhi dapatan kajian seperti berikut:



1.8.1 Limitasi

1. Kajian ini menghadapi kekangan masa dalam proses pengumpulan data, kerana tempoh pelaksanaan kajian bertindih dengan kejohanan tenis peringkat MSSD di negeri Perak dan negeri lain, serta kejohanan peringkat MSSN. Keadaan ini menyukarkan penyelidik untuk mendapatkan maklum balas yang lebih mendalam daripada sampel guru. Namun yang demikian, penyelidik mengatur jadual temu bual secara fleksibel dan memanfaatkan masa di luar waktu rasmi guru, seperti selepas waktu persekolahan, untuk memastikan data dapat dikumpulkan dengan efektif. Selain itu, borang soal selidik diedarkan lebih awal dengan tempoh pengisian yang mencukupi untuk mengelakkan konflik jadual.

2. Sampel kajian terdiri daripada 20 orang guru untuk soal selidik dan 3 orang guru untuk temu bual. Saiz sampel yang kecil ini mungkin tidak mencerminkan pandangan yang lebih menyeluruh mengenai keperluan pembinaan modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan. Oleh yang demikian, penyelidik memastikan sampel yang dipilih adalah guru yang mempunyai pengalaman khusus dalam melatih pemain tenis di peringkat MSSD, bagi memastikan dapatan kajian tetap relevan dan berkualiti. Selain itu, data daripada sampel kecil ini diperkukuhkan dengan kombinasi analisis soal selidik dan temu bual.

3. Perbezaan latar belakang dan pengalaman guru yang terlibat mempengaruhi gaya pengajaran mereka seperti yang dinyatakan oleh Anderson (2021). Walaupun modul menyediakan panduan yang seragam, variasi dalam gaya pengajaran guru mungkin mempengaruhi keberkesanan modul dalam konteks

yang berbeza. Bagaimanapun, penyelidik menyediakan panduan pelaksanaan modul yang terperinci dan disertakan gambar dan video demonstrasi untuk memastikan penyampaian lebih seragam.

4. Kajian ini tidak melibatkan sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan gelanggang tenis. Oleh itu, modul ini hanya diuji dalam persekitaran yang terhad kepada sekolah tanpa kemudahan tersebut, yang mungkin menghadkan generalisasi dapatan kepada konteks yang berbeza. Namun begitu, penyelidik menumpukan kepada sekolah tanpa gelanggang tenis kerana objektif utama kajian adalah untuk mengatasi kekangan ini. Walau bagaimanapun, modul dirancang supaya fleksibel dan tetap boleh digunakan di sekolah yang memiliki gelanggang tenis jika diperlukan.

1.8.2 Delimitasi

1. Kajian ini tertumpu kepada pembangunan modul kesediaan sukan tenis berasaskan tenis jalanan yang direka khusus untuk pelajar sekolah rendah. Modul ini tidak melibatkan pelajar peringkat menengah atau pemain yang telah memiliki asas dan kemahiran tenis.
2. Modul yang dibangunkan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kemahiran asas tenis, dan tidak meliputi pembangunan kemahiran lanjutan yang diperlukan oleh pemain kompetitif. Fokus ini disesuaikan dengan objektif

kajian yang lebih menekankan pengenalan sukan tenis kepada pelajar yang baru berjinak-jinak dengan sukan ini.

3. Kajian ini melibatkan tenaga pengajar daripada kalangan guru sekolah rendah yang telah menghantar atlet ke pertandingan tenis peringkat MSSD. Pemilihan ini dibuat berdasarkan latar belakang guru-guru tersebut yang berpengalaman dalam melatih pelajar bermain tenis, sekali gus memudahkan proses pelaksanaan dan penilaian awal kebolegunaan modul.
4. Modul ini dirancang untuk digunakan dalam konteks sekolah yang tidak mempunyai kemudahan gelanggang tenis. Oleh itu, modul ini disesuaikan untuk mengatasi kekangan kemudahan sukan di sekolah rendah, khususnya di negeri Perak, bagi memastikan semua pelajar berpeluang mempelajari asas tenis.